



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
UNGKU OMAR

# PANDUAN PELAJAR

**POLITEKNIK  
UNGKU OMAR**  
*Home of TVET Champions*

## APELA

@ Politeknik  
Ungku Omar


Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

 POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)

 poliungkuomar

 @poliungkuomar

 politeknikungkuomar



# **BUKU PANDUAN PENILAIAN APEL.A UNTUK CALON**

## **1.0 PENDAHULUAN**

## **2.0 PENGENALAN APEL.A**

## **3.0 SKOP PUSAT PENILAIAN APEL.A**

## **4.0 SYARAT PERMOHONAN DAN KEMASUKAN APEL.A**

- 4.1 Kemasukan ke Program Peringkat Sijil (T-3)
- 4.2 Kemasukan ke Program Peringkat Diploma (T-4)
- 4.3 Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda (T-6)

## **5.0 KAEDAH PENILAIAN APEL.A**

- 5.1 Penilaian APEL.A bagi kemasukan ke Program Peringkat Sijil (APEL T-3) dan Diploma (APEL T-4)
- 5.2 Penilaian APEL.A bagi kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda (APEL.A T-6)

## **6.0 CAJ PERMOHONAN APEL.A**

- 6.1 Struktur caj permohonan APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat Sijil (T-3) dan Diploma (T-4)
- 6.2 Struktur caj permohonan APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat Ijazah Sarjana Muda (T-6)
- 6.3 Caj pengeluaran sijil bagi pemohon APEL.A T-3, T-4 dan T-6.

## **7.0 HURAIAN KOMPETENSI**

## **8.0 PROSES PENSIJILAN APEL.A**

## **9.0 CARTA ALIR BAGI PROSES PENILAIAN APEL.A**

## **10.0 MAKLUMAT LANJUT / HUBUNGI KAMI**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework - MQF*) menerusi Akta Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency - MQA*) 2007 (Akta 679) telah memberi komitmen untuk mengiktiraf pembelajaran terdahulu sebaik mungkin. Pembelajaran yang telah diperoleh melalui pelbagai jenis pengalaman yang berlaku dalam kehidupan individu yang tidak pernah dianugerahkan kredit akan dikenal pasti dan akan diberi pengiktirafan selayaknya. Proses ini yang dipanggil Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning - APEL*) telah dinyatakan dalam MQF untuk membolehkan individu maju dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat dan seterusnya meluaskan mobiliti pelajar dan penyertaan pelajar dewasa dalam pendidikan tinggi.

## **2.0 PENGENALAN APEL.A**

APEL.A telah diperkenalkan bagi tujuan memberi peluang dan akses kepada individu yang mempunyai pengalaman pembelajaran terdahulu tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pengajian di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

APEL.A bagi tujuan akses diperkenalkan pada tahun 2011 yang dimulai dengan penilaian APEL T-6 iaitu bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Sehingga kini, ia telah diperluaskan untuk kemasukan ke tahap Sijil (APEL T-3), Diploma (APEL T-4) dan Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6). APEL.A dilancarkan oleh Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi pada 16 April 2012 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Kriteria utama yang melayakkan seseorang individu untuk mengambil penilaian APEL.A adalah warganegara yang telah mencapai umur yang ditetapkan bagi kemasukan setiap tahap kelayakan. Pada tahun 2015, penyelarasan syarat di bawah sistem kemasukan terbuka dan APEL.A dari segi umur dan kelayakan akademik telah dilakukan, namun begitu permohonan hanya terbuka kepada warganegara sahaja.

### **3.0 SKOP PUSAT PENILAIAN APEL.A**

Pusat Penilaian APEL.A (PPA.A) Politeknik Ungku Omar hanya dibuka kepada rakyat Malaysia (warganegara) yang ingin mendapatkan pengiktirafan terhadap pengajian terdahulu mereka. Pensijilan APEL.A digunakan untuk tujuan kemasukan ke satu program pengajian sahaja. Adalah penting untuk dimaklumkan bahawa perakuan kemasukan ke Pusat Penilaian APEL.A tidak menjamin penerimaan kemasukan ke sesebuah Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang dimohon. Pemohon adalah tertakluk di bawah keperluan lain (jika ada) yang ditetapkan oleh PPT yang menerima. Pemohon yang berjaya dalam penilaian boleh menggunakan sijil APEL.A yang diperolehi bagi tujuan permohonan kemasukan ke Politeknik Malaysia bagi program pengajian yang ditawarkan (kategori dalaman).

### **4.0 SYARAT PERMOHONAN DAN KEMASUKAN APEL.A**

Semua pemohon perlu mendaftar di portal APEL MQA secara dalam talian di pautan [https://www2.mqa.gov.my/apel\\_a/](https://www2.mqa.gov.my/apel_a/) dan mengisi maklumat dengan tepat dan lengkap serta membuat pengisytiharan permohonan.

Pemohon hendaklah mematuhi syarat asas permohonan penilaian APEL.A yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seperti berikut:

#### **4.1 Kemasukan ke Program Peringkat Sijil (T-3)**

Syarat asas permohonan penilaian APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat Sijil adalah seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur 19 tahun semasa permohonan; dan
- iii. mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan.

#### **4.2 Kemasukan ke Program Peringkat Diploma (T-4)**

Syarat asas permohonan penilaian APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat Diploma adalah seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur 20 tahun semasa permohonan; dan
- iii. mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan.

#### 4.3 Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda (T-6)

Syarat asas permohonan penilaian APEL.A bagi kemasukan ke program di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur 21 tahun semasa permohonan;
- iii. mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan.

### 5.0 KAEDAH PENILAIAN APEL.A

#### 5.1 PENILAIAN APEL.A BAGI KEMASUKAN KE PROGRAM PERINGKAT SIJIL (APEL T-3) DAN DIPLOMA (APEL T-4)

##### a) Ujian Aptitud

Ujian Aptitud adalah satu peperiksaan formal yang pemohon wajib lulus. Pemohon haruslah memperolehi markah sekurang-kurangnya 50% untuk lulus keseluruhan penilaian APEL.A T-3 dan APEL.A T-4. Tujuan Ujian Aptitud adalah untuk menilai kompetensi dan kesediaan pemohon mengikuti pembelajaran di peringkat Sijil (APEL.A T-3) dan Diploma (APEL.A T-4).

Aspek penilaian yang akan diuji merangkumi pengetahuan dalam Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis. Soalan berdasarkan ketetapan seperti jadual di bawah:

Tahap Kelayakan Masuk	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tahap Kompetensi	Tempoh Masa
Sijil (APEL T-3) / Diploma (APEL T-4)	Matematik	10	<b>APEL T-3</b> di antara UPSR dan PMR <b>APEL T-4</b> (PMR dan setara)	2 Jam
	Bahasa Melayu	10		
	Bahasa Inggeris	10		
	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10		

Pemohon mestilah memperolehi markah minimum 50% daripada penilaian Ujian Aptitud untuk **LULUS**.

b) Portfolio

Penilaian kedua yang pemohon wajib lulus ialah penilaian portfolio. Portfolio merupakan satu dokumen kompilasi pengalaman terdahulu termasuklah pembelajaran formal, informal dan non-formal. Pemohon perlu menyediakan portfolio dan ia boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Bagi pembelajaran bersijil, pemohon perlu sertakan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan. Bagi pembelajaran berasaskan pengalaman, pemohon boleh mengemukakan bukti dalam bentuk testimoni daripada majikan/pelanggan/rakan sekerja, senarai tugas dan lain-lain.

Portfolio APEL.A bagi tujuan kemasukan ke peringkat Sijil dan Diploma haruslah dibuat penilaian dan pengesahan secara dalaman dengan menggunakan borang semakan yang ditetapkan oleh MQA. Namun, penilaian portfolio tidak membawa sebarang pemberat untuk membolehkan pemohon lulus keseluruhan penilaian APEL.A T-3 dan T-4.

## 5.2 **PENILAIAN APEL.A BAGI KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (APEL.A T-6)**

a) Ujian Aptitud

Ujian Aptitud adalah satu peperiksaan formal yang pemohon wajib lulus. Ia membawa pemberat sebanyak 30% daripada keseluruhan penilaian APEL.A T-6. Tujuan Ujian Aptitud adalah untuk menilai kompetensi dan kesediaan pemohon mengikut pembelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Aspek penilaian yang akan diuji merangkumi pengetahuan dalam Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Pengetahuan

Am/Pemikiran Kritis. Soalan penilaian berdasarkan ketetapan seperti jadual di bawah:

Tahap Kelayakan Masuk	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tahap Kompetensi	Tempoh Masa
Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6)	Matematik	10	SPM dan setara	2 Jam
	Bahasa Melayu	10		
	Bahasa Inggeris	10		
	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10		

Pemohon mestilah memperolehi markah minimum 50% daripada penilaian Ujian Aptitud untuk **LULUS**.

b) Portfolio

Komponen penilaian kedua yang pemohon wajib lulus ialah penilaian Portfolio. Portfolio merupakan satu dokumen kompilasi pengalaman terdahulu termasuklah pembelajaran formal, informal dan non-formal. Pemohon perlu menyediakan Portfolio mengikut format yang telah ditetapkan dan ia boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Pemohon perlu untuk memilih dokumentasi/ bukti yang ingin dikemukakan mengikut keutamaan dan kesesuaian dengan bidang yang dipohon. Bagi pembelajaran bersijil, pemohon perlu sertakan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan. Bagi pembelajaran berasaskan pengalaman, pemohon boleh mengemukakan bukti dalam bentuk testimoni daripada majikan/pelanggan/rakan sekerja, senarai tugas dan lain-lain.

Portfolio bagi tujuan kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda membawa pemberat penilaian sebanyak 70% daripada keseluruhan

penilaian APEL.A T-6. Semakan portfolio akan dibuat oleh sekurang-kurangnya 2 orang panel yang telah dilantik dan calon mestilah memperolehi markah minimum 50% untuk lulus penilaian portfolio.

## 6.0 CAJ PERMOHONAN APEL.A

Kadar bayaran yang ditetapkan dalam penetapan caj pemohon APEL.A adalah seperti berikut:

### 6.1 Struktur caj permohonan APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat **Sijil (T-3) dan Diploma (T-4)**

Perkara	Jenis Penilaian	Caj Penilaian
Caj permohonan pemohon APEL.A	Ujian Aptitud	RM240.00
	Portfolio	
	<b>JUMLAH</b>	

### 6.2 Struktur caj permohonan APEL.A bagi kemasukan ke program peringkat **Ijazah Sarjana Muda (T-6)**

Perkara	Jenis Penilaian	Caj Penilaian
Caj permohonan pemohon APEL.A	Ujian Aptitud	RM370.00
	Portfolio	
	<b>JUMLAH</b>	

### 6.3 Caj pengeluaran sijil bagi pemohon **APEL.A T-3, T-4 dan T-6.**

Bil	Perkara	Caj
1.	Caj penghantaran sijil*	RM15.00

\*Sekiranya terdapat keperluan untuk menghantar sijil APEL ke alamat luar negara, caj pengeposan luar negara semasa akan terpakai.

## 7.0 HURAIAN KOMPETENSI

*Malaysian Qualification Framework (MQF)* menerangkan berkaitan kompetensi yang akan digunakan dalam menilai kebolehan pemohon. Semua pemohon akan dinilai bersesuaian dengan penilaian APEL yang dikendalikan oleh MQA bagi memastikan pemohon mempunyai kecekapan kompetensi seperti yang tersenarai di bawah:

### 1. **Pengetahuan & Kefahaman**

Pengetahuan dan kefahaman merujuk kepada pemahaman sistematik tentang fakta, idea, maklumat, prinsip, konsep, teori, pengetahuan teknikal, peraturan, numerasi, kemahiran praktikal, alat untuk digunakan, proses dan sistem.

### 2. **Kemahiran Kognitif**

Ini berkaitan dengan pemikiran atau keupayaan intelek dan kebolehan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran. Keupayaan untuk membangunkan tahap kemahiran intelek secara progresif bermula daripada pemahaman, pemikiran kritis/kreatif, penilaian, mengaplikasi, menganalisis, menyelesaikan masalah dan mensintesis untuk mencipta idea, penyelesaian, strategi atau amalan baharu. Kemahiran intelek tersebut membolehkan pelajar mencari dan memahami maklumat baharu daripada pelbagai bidang pengetahuan dan amalan.

### 3. **Kemahiran Kerja *Functional*:**

#### a. Kemahiran kerja praktikal

Ini secara amnya ialah kemahiran kerja dan kemahiran operasi yang boleh digunakan untuk persekitaran pekerjaan biasa, seperti perancangan, kemahiran organisasi dan pemilihan alatan, bahan, kaedah dan prosedur teknologi. Dalam konteks kajian, ia mungkin termasuk kemahiran dan persediaan belajar, prosedur menjalankan, kemahiran saintifik, reka bentuk, penyelidikan dan sebagainya. Ia juga termasuk kemahiran khusus yang ditetapkan oleh subjek tertentu, disiplin, kemahiran kerja teknikal atau berkaitan pekerjaan dan amalan profesional yang meningkatkan kecekapan profesional. Ia harus merangkumi amalan yang selamat dan mampan.

b. **Kemahiran interpersonal**

Kemahiran interpersonal merujuk kepada pelbagai kemahiran yang, antara lain, termasuk komunikasi interaktif, perhubungan dan kemahiran kolaboratif dalam mengurus perhubungan dalam pasukan dan dalam organisasi, rangkaian dengan orang yang berbeza budaya, serta kemahiran/etika sosial.

4. **Kemahiran komunikasi**

Kemahiran komunikasi merujuk secara amnya kepada kebolehan untuk berkomunikasi/menyampaikan maklumat/idea/laporan secara tegas dan profesional dalam bahasa yang sesuai. Komunikasi mestilah berkesan dan dalam bentuk yang sesuai, dalam pelbagai medium, dan kepada pelbagai khalayak dan situasi yang berbeza. Keupayaan untuk berkomunikasi dalam lebih daripada satu bahasa adalah digalakkan.

5. **Kemahiran Digital**

Kemahiran digital secara amnya merujuk kepada keupayaan untuk menggunakan maklumat/teknologi digital untuk menyokong kerja dan pengajian. Kemahiran tersebut termasuk mendapatkan dan menyimpan maklumat, memproses data, menggunakan aplikasi untuk penyelesaian masalah dan komunikasi, serta etika dalam mengaplikasikan kemahiran digital.

6. **Kemahiran Numerasi**

Ini adalah kemahiran kuantitatif yang memerlukan pelajar memperoleh tahap kebolehan berangka yang semakin tinggi. Ia diakui sebagai kemahiran hidup penting yang relevan untuk belajar, bekerja dan kehidupan seharian. Dalam peringkat Rangka Kerja Kelayakan Malaysia, hasil pembelajaran ini mungkin tidak disebut secara khusus untuk setiap peringkat, tetapi adalah dijangka bahawa keperluan kemahiran berangka sebagai hasil perlu ditunjukkan untuk setiap program tertentu. Ia mungkin termasuk pemahaman tentang matematik asas, simbol yang berkaitan dengan teknik statistik.

7. **Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab**

Kelompok kemahiran ini merujuk kepada keupayaan individu untuk membina hubungan dan bekerja dengan pasukan yang terdiri daripada rakan sebaya, serta keupayaan individu dalam kapasiti pengurusan dengan pelbagai tahap autonomi untuk membuat keputusan atau menetapkan matlamat di organisasi/unit / peringkat pasukan. Individu itu juga diharapkan bertanggungjawab dan memberikan akauntabiliti, yakin, berpengetahuan, pandai berkata-kata, jujur, profesional, prihatin dan berdaya tahan, menjadi pengambil risiko dan memiliki kemahiran intrapersonal lain termasuk bekerja dalam dan memimpin pasukan.

8. **Kemahiran peribadi dan keusahawanan**

Kemahiran peribadi adalah kemahiran hidup yang diharapkan dapat digunakan oleh pelajar setiap hari. Mereka biasanya digambarkan melalui semangat untuk pembelajaran bebas, intelek dan pembangunan diri, atau dengan menunjukkan keyakinan, kawalan diri, kemahiran sosial, etika yang betul dan komitmen terhadap profesionalisme di tempat kerja. Ia juga termasuk keupayaan untuk merancang pembangunan kerjaya atau pendidikan lanjutan. Aspek perwatakan, seperti kejujuran, ketepatan masa, pengurusan masa, dan mematuhi serta mengekalkan tarikh akhir penting dalam persekitaran kerja, juga merupakan kemahiran peribadi yang penting.

9. **Etika dan profesionalisme**

Etika dan nilai adalah penting dalam tetapan peribadi, organisasi, masyarakat/komuniti dan global kerana ia membimbing tindakan dan interaksi peribadi di tempat kerja dan dalam komuniti secara amnya. Kesedaran/pemahaman dan menghormati perbezaan dan isu etika, sosial dan budaya adalah penting dalam melaksanakan kemahiran dan tanggungjawab profesional yang terdiri daripada integriti, kelakuan profesional (profesionalisme) dan standard kelakuan (contoh, menegakkan peraturan, undang-undang dan kod amalan atau kod yang baik. kelakuan profesional). Pendekatan yang sensitif dalam berurusan dengan budaya lain menambah nilai kepada domain pembelajaran ini.

## **8.0 PROSES PENSIJILAN APEL.A**

Pemohon adalah disarankan untuk membuat persediaan memohon untuk pensijilan APEL.A lebih awal. Pensijilan APEL.A membolehkan pemohon yang layak memohon bagi kemasukan ke sesuatu program pengajian yang telah ditetapkan oleh Pusat Penilaian APEL (PPA) di mana-mana Politeknik Malaysia.

Berikut adalah proses pensijilan APEL.A yang perlu diambil kira oleh semua pemohon APEL.A :

### **1. Menentukan sama ada meneruskan atau tidak permohonan untuk APEL.A**

Dalam menentukan sama ada untuk menjalani penilaian APEL.A, pemohon perlu menimbangkan bahawa ia adalah satu proses tersendiri yang akan memerlukan penggunaan kemahiran seperti pengurusan masa, pertimbangan dan motivasi diri.

### **2. Menimbang dan mengkaji semula pembelajaran**

Pemohon perlu mengkaji semula pengalaman dan pembelajaran bersijil. Ini akan membentuk rangka kerja di mana pemohon akan menyesuaikan pengajian sendiri. Ia penting bagi menunjukkan yang anda telah memenuhi semua syarat. Pada ketika ini, pemohon perlu memastikan sama ada terdapat keselarian antara pengalaman terdahulu atau pembelajaran bersijil dengan kompetensi. Adalah penting untuk pemohon memahami jangkaan tahap pengajian yang akan diikuti. Sekiranya pemohon merasakan pemohon mampu dan mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang diingini, sila hubungi dan berbincang dengan kakitangan PPA untuk khidmat nasihat.

Bagi membantu calon, adalah penting untuk membincangkan pelan penilaian dengan kakitangan PPA yang meliputi perkara berikut:

- Pertimbangan semula keperluan dan kursus
- Sumber dan jenis bukti
- Alat penilaian yang akan digunakan; dan
- Tarikh dan masa penilaian

### 3. **Memutuskan cara untuk mempersembahkan tuntutan**

Setelah kakitangan PPA memutuskan calon mempunyai asas yang baik untuk pengiktirafan pembelajaran terdahulu, calon dikehendaki menyatakan segala pembelajaran formal dan bukan formal dalam bentuk portfolio. Bagi pembelajaran bersijil, ia perlu disertakan dengan salinan sijil atau dokumentasi yang telah disahkan.

Pemohon juga perlu memilih bukti yang bersesuaian serta berkaitan dan menghubungkannya dengan huraian kompetensi. Ini mungkin termasuk testimoni dari majikan/pelanggan/rakan sekerja atau dokumentari. Namun pemohon perlu selektif dalam memilih bukti dokumentari tersebut. Pilih contoh nyata yang ringkas dan bersesuaian dengan pembelajaran pemohon.

### 4. **Penyerahan Portfolio dan Ujian Aptitud**

Portfolio akan membantu panel penilai untuk menilai kebolehan dan pengalaman yang diperolehi oleh seseorang pemohon berdasarkan kompetensi.

#### i. **Penilaian Portfolio**

Portfolio calon akan dihantar kepada jawatankuasa APEL.A untuk penilaian. Sekiranya jawatankuasa tidak berpuas hati dengan keterangan yang disampaikan dalam portfolio calon, kaedah penilaian lain yang bersesuaian akan dijalankan. Antara kaedah penilaian lain yang boleh dijalankan adalah dalam bentuk temu duga, penyampaian, demonstrasi dan sebagainya.

#### ii. **Ujian Aptitud**

Selain dari Penilaian Portfolio, Ujian Aptitud akan turut digunakan sebagai alat penilaian untuk APEL.A. Tujuan Ujian Aptitud digunakan adalah untuk memenuhi keperluan penilaian Bahasa, Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis serta Matematik pemohon.

Struktur kandungan Ujian Aptitud adalah seperti dalam jadual berikut:

	<b>Kandungan Ujian</b>
Kebolehan Matematik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas Matematik</li> <li>• Algebra Asas</li> <li>• Penyelesaian Masalah</li> </ul>
Kebolehan Bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan &amp; Pemahaman</li> <li>• Tatabahasa &amp; Prosa Kata</li> <li>• Ejaan</li> <li>• Perbendaharaan kata</li> <li>• Pembetulan kesalahan</li> </ul>
Kebolehan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan &amp; Pemahaman</li> <li>• Tatabahasa &amp; Prosa Kata</li> <li>• Ejaan</li> <li>• Perbendaharaan kata</li> <li>• Pembetulan kesalahan</li> </ul>
Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penaakulan Logik</li> <li>• Kemahiran Pengelasan</li> <li>• Pengecaman Pola</li> </ul>

Sehubungan dengan itu, pemohon adalah dikehendaki menduduki Ujian Aptitud pada masa dan tempat yang akan ditentukan oleh pihak Pusat Penilaian APEL.A.

## 5. Pengesahan Keputusan

Pemohon akan menerima keputusan rasmi penilaian dari Pusat Penilaian APEL.A Politeknik Ungku Omar. Pensijilan APEL.A akan dikeluarkan oleh pihak MQA melalui PPA kepada pemohon yang berjaya.


Pemohon yang berjaya boleh menggunakan Sijil APEL.A yang diperolehi bagi tujuan permohonan kemasukan ke Politeknik Malaysia bagi program pengajian yang ditawarkan.

## 6. Rayuan atau Ulangan

Calon yang gagal mana-mana penilaian (Ujian Aptitud/Portfolio) boleh membuat rayuan ke atas keputusan atau memilih untuk mengulang. Proses rayuan atau ulangan perlulah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan rasmi penilaian. Berikut merupakan caj/fi yang akan dikenakan kepada pemohon :

<b>Penilaian</b>	<b>Rayuan</b>	<b>Ulangan</b>
Ujian Aptitud	RM50	RM100
Portfolio	RM50	RM80

## 9.0 CARTA ALIR BAGI PROSES PENILAIAN APEL.A



## 10.0 MAKLUMAT LANJUT / HUBUNGI KAMI

Untuk maklumat lanjut, calon boleh layari web <https://www.puo.edu.my/apelpuo> dan sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui e-mail kami :

[apel.a@puo.edu.my](mailto:apel.a@puo.edu.my)

Calon juga boleh datang ke Pusat Penilaian APEL.A PUO beralamat :

**Pusat Penilaian APEL.A  
Politeknik Ungku Omar,  
Jalan Raja Musa Mahadi,  
31400 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan**

# APELA

@ Politeknik  
Ungku Omar

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

**Politeknik  
Ungku Omar**

Kementerian Pendidikan Tinggi  
Jalan Raja Musa Mahadi,  
31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
1300 - 88 - 1969

[www.puo.edu.my](http://www.puo.edu.my)



POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)



poliungkuomar



@poliungkuomar



politeknikungkuomar